

## Hari 10 | Beijing, China

---

*Orang Muslim di ibukota negara China*



*Bilangan penduduk:  
15,380,000 (2005)*

*Orang Cina Han: 96%*

*Kumpulan Muslim terbesar:  
Hui (lebih kurang 2% atau  
280,000)*

*Terdapat lebih kurang 12 juta  
orang Hui di seluruh negara  
China*

Beijing adalah ibukota Republik Rakyat China. Bandaraya ini diasaskan lebih dari 3,000 tahun yang lalu, dan telah dianggap sebagai ibukota negara China selama lebih dari 850 tahun.

Orang Hui adalah dari keturunan saudagar, askar, dan pegawai-pegawai Muslim yang datang ke negara China dari abad ke tujuh hingga empat belas. Orang-orang ini telah menetap di sana dan mengahwini wanita tempatan berbangsa Cina (Han). Orang Hui telah menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat Cina sehingga sukar

dibezakan dari orang Cina Han, kecuali amalan agama dan pemakanan mereka. Amalan Islam di kalangan Hui amat berbeza. Di bahagian timur laut China, mereka lebih bebas, dan merokok, minum minuman keras, dan makan daging babi apabila mereka berada di tempat lain. Secara keseluruhan, orang Hui dianggap sebagai orang Muslim yang paling tidak radikal di dunia.

Kita dapat menemui orang Hui yang beragama Islam di seluruh kawasan ibukota, tetapi mereka berkumpul di jalan-jalan yang



tertentu dan juga di beberapa kota dan kampung di sekitar bandaraya Beijing. Satu komuniti besar orang Hui tinggal di kawasan Jalan Niujie di pusat Beijing. Lebih daripada 11,000 orang Hui tinggal di dalam kawasan 1.5km persegi ini di sekitar Masjid Niujie yang terkenal. Masjid ini merupakan masjid yang terbesar dan tertua di Beijing, ia dibina pada tahun 996 M dan dibina semula dan diperbesarkan selepas itu. Kini masjid ini meliputi 6,000 meter persegi. Gaya pembinaannya menggabungkan keindahan

istana-istana China dan juga masjid-masjid Arab.

### **Orang-orang Percaya:**

Terdapat sedikit atau mungkin tiada langsung saksi Kristian kepada orang-orang Muslim Hui. Setahu kita, masih tiada orang-orang Muslim Hui di Beijing yang percaya.

Untuk maklumat selanjutnya:  
<http://www.ioshuaproject.org>.

### **BAHAN-BAHAN DOA:**

- *Semoga Tuhan membukakan pintu bagi orang-orang Cina yang percaya dalam Mesias untuk memberitakan Injil kepada orang Muslim.*
- *Semoga Tuhan menyebabkan orang Muslim Hui di kawasan Beijing mencari Tuhan yang benar.*
- *Berdoalah agar orang-orang Cina yang percaya dapat menjadi agen bagi berkat dan*



*perubahan yang positif dalam bandaraya ini dan penduduk-penduduk Muslim.*

### MASA SOLAT

Orang-orang yang mengamalkan agama Islam di seluruh dunia menghadap ke Mekah untuk berdoa (menggunakan doa-doa yang telah dihafalkan) lima kali sehari. Ini dilakukan pada masa-masa yang ditetapkan yang sentiasa berubah beberapa minit setiap hari

menurut kalendar Islam. Masa solat bagi Beijing pada hari ini: 5.50 AM; 12.11 PM; 4.41 PM; 6.32 PM dan 8.02 PM. Ada juga yang akan berdoa pada masa solat tambahan yang tidak diwajibkan iaitu pada jam 4.09 AM.

[www.30-days.net](http://www.30-days.net)

[www.30daysfire.net](http://www.30daysfire.net)

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

